

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

Perintah Universiti Malaysia Sabah (Kampus) 1994

Akta 30

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 12 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Universiti Malaysia Sabah (Kampus) 1994. Nama
2. Apabila Perintah ini mula berkuatkuasa- Kampus dan harta
 - (a) maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kampus bagi Universiti Malaysia Sabah;
 - (b) nama dan gelaran kampus itu ialah "Kampus Universiti Malaysia Sabah";
 - (c) tapak kampus itu adalah bertempat di CL 015385618, Teluk Sepanggar, Daerah Kota Kinabalu, dalam Negeri Sabah; dan
 - (d) Sekolah sastera, Sekolah Sastera Ikhtisas, Sekolah Sains Gunaan dan Teknologi dan Sekolah lain sebagaimana yang perlu hendaklah bertempat di kampus itu.

Dibuat pada 30hb Oktober 1994.
(KP. R (PT) 7102/A; PN. (PU²) 75-T.)

Dengan Perintah,

Dato' Seri Anwar Ibrahim,
Menteri Kewangan

P.U (A) 484.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

Perintah Universiti Malaysia Sabah (Perbadanan) 1994

Akta 30

Bahawasanya seksyen 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong puas hati bahawa adalah suaimanfaat demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Universiti itu mengikut subseksyen (1) tersebut:

Dan bahawasanya Yang di-Pertuan Agong adalah berpuas hati bahawa suatu universiti patut ditubuhkan ;

Maka oleh yang demikian menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 6(1) Akta itu, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Malaysia Sabah (Perbadanan) 1994.**

Perbadanan

2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu yayasan pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Universiti sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang Sastera, Sastera Ikhtisas, Sains Gunaan dan Teknologi dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan itu dalam bidang pengajian yang disebut terdahulu;

(2) Yayasan pelajaran tinggi yang disebut terdahulu itu hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran "Universiti Malaysia Sabah" ; dan

(3) Tapak Universiti Malaysia Sabah (di mana Universiti itu akan didirikan) adalah bertempat di CL 015385618, Teluk Sepanggar, Daerah Kota Kinabalu, dalam Negeri Sabah.

Dibuat pada 30hb Oktober 1994.

(KP. R (PT) 7102/A; PN. (PU²) 75-T)

Dengan Perintah,

**Dato' Sri Anwar Ibrahim,
Menteri Kewangan**